

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13 JUNE 2016

'PKR tidak lupa perbuatan Dr Mahathir terhadap Anwar'

BH- 13/6/2016

→ Ahli parti tumpu agenda pembaharuan, fokus kepada perjuangan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

► Sungai Besar

Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar menegaskan parti berkenaan tidak pernah lupa apa yang Tun Dr Mahathir Mohamad lakukan terhadap bapanya, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 1999.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai, berkata pihaknya tidak buta untuk menutup mata daripada apa yang dilakukan bekas Perdana Menteri itu sebelum ini meskipun kedua-dua pihak kini bekerjasama melawan Barisan Nasional (BN).

"Sesiapa sahaja boleh sertai kami dalam berjuang, asalkan berlandaskan agenda reformasi yang dibawa oleh PKR. Dalam kes Ma-

hathir, beliau sendiri yang mahu membantu, bukan PKR yang minta bantuan beliau," katanya pada sidang media Pakatan Harapan, di sini semalam.

Mengulas kenyataan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek yang menyifatkan PKR sudah lupa dengan peristiwa yang berlaku kepada Anwar sehingga sanggup menerima Dr Mahathir, Nurul Izzah berkata, partinya bersama sekutu perlu bergerak ke depan.

Pas tak tentang individu

"Kami sentiasa menumpukan isu utama, iaitu agenda pembaharuan, tetapi tidak sama sekali akan melupakan apa yang terjadi kepada Anwar, namun kita perlu bergerak ke depan. Kita perlu ketepikan dendam dan fokus kepada perjuangan," katanya.



Kami sentiasa menumpukan isu utama, iaitu agenda pembaharuan, tetapi tidak sama sekali akan melupakan apa yang terjadi kepada Anwar, namun kita perlu bergerak ke depan"

Nurul Izzah Anwar,
Naib Presiden PKR

Di **Sekinchan**, Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang ketika ditemui pemberita, mengakui Dr Mahathir ada bertemu dengannya tiga bulan lalu bagi membincangkan agenda menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, namun beliau menolak pelawaan itu kerana PAS tidak menentang individu.

"Kalau orang diubah, dasar dan pendekatannya masih sama, maka tiada perubahan," kata Abdul Hadi sambil membidas tuduhan Dr Mahathir bahawa beliau sudah diberi dedak (habuan) dan secara sinis mempersoalkan siapa sebenarnya yang mengajar perbuatan terbit.

Presiden PAS itu juga menegaskan, partinya tidak terkilan dengan tindakan bekas Perdana Menteri itu yang secara terang-terang menyokong calon Parti Amanah Negara.